

Majlis Perasmian Mastera 2025

10 September 2025

Ucapan Encik Zhulkarnain Abdul Rahim

Pengerusi, Majlis Bahasa Melayu Singapura dan

Jawatankuasa Bulan Bahasa

1. Yang Berusaha, Dr Azhar Ibrahim, Pengerusi, Mastera Singapura yang juga Timbalan Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) dan Pengerusi Jawatankuasa Persuratan,

Tidak lupa juga kepada Pengerusi Mastera yang tidak dapat hadir bersama,

Yang Berbahagia, Tuan Awang Suip bin Haji Abdul Wahab, Ketua Delegasi Brunei Darussalam,

Yang Berbahagia Tuan Hafidz Muksin, Ketua Delegasi Indonesia

Yang Berbahagia, Dr Hazami Bin Jahari, Ketua Delegasi Malaysia

Anggota Majlis Bahasa Melayu Singapura,

Para sasterawan yang saya segani,

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Salam sejahtera saya ucapkan. Kepada perwakilan delegasi dari negara-negara anggota Mastera - Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia, selamat datang ke kota Singapura.

Indah berbalam si awan petang,
Berarak di celah pepohon ara;
Pemanis kalam selamat datang,
Awal bismillah pembuka bicara.

2. Tahun ini, giliran Singapura sebagai tuan rumah untuk meraikan sambutan Mastera. Kami amat berbesar hati untuk menerima kedatangan sahabat-sahabat dari rantau ini ke Singapura demi meraikan perkembangan kesusasteraan Asia Tenggara.
3. Sejak penubuhannya pada tahun 1992, negara-negara di Asia Tenggara telah bersatu padu dan menggembelng tenaga di bawah naungan Majlis Sastera Asia Tenggara ataupun Mastera untuk memperkaya khazanah kesusasteraan dan sekaligus merakam memori budaya secara kolektif. Coretan kisah dari kampung ke bandar metropolis, dari legenda bisikan nenek moyang kita kepada sajak-sajak berani penyair masa hadapan, antara tradisi dengan inovasi, karya sastera terus menyampaikan pengalaman bersama merentasi generasi.
4. Dengan perkembangan dunia yang begitu pesat, kita sering berdepan dengan tantangan atau cabaran baharu. Adakalanya tantangan dan cabaran ini

mendatangkan kegusaran dan menimbulkan persoalan; apakah yang perlu kita perhatikan demi memastikan sastera Asia Tenggara bergerak seiring dengan kemajuan dunia?

5. Lantaran itu, tahun ini Mastera mengangkat tema yang berkisar pada Sastera Global Selatan. Dengan tema sedemikian, kita mampu mencipta visi untuk menjunjung sastera Asia Tenggara agar ia dapat melangkaui sempadan dan menempa nama di peringkat antarabangsa. Ini merupakan sebuah matlamat yang penting kerana para sasterawan di Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura, mempunyai gagasan-gagasan penting yang bersifat ampuh dalam menangani segala tantangan dan cabaran dunia yang ada.
6. Saya tertarik dengan pencerahan pada sesi pagi tadi. Istilah “Global Selatan” mungkin terbentuk dari segi geopolitik dan ekonomi yang berbau ketidaksamarataan dari segi pembangunan dalam negara-negara membangun. Namun, penggunaan istilah Global Selatan berpotensi apabila digunakan dalam kesusasteraan untuk dijadikan salah satu tunggak penyatuan kita demi menangkis hegemoni nilai-nilai yang bercanggah dengan nilai-nilai kita. Pada masa yang sama, dalam dunia yang semakin berpecah belah, kita perlu memegang teguh atas nilai-nilai sejagat yang dapat didakap bersama bukan sahaja orang Melayu tetapi semua manusiawi yang mementingkan nilai kemanusiaan; tanpa mengira bahasa, geografi atau sejarah. Oleh itu, saya menyambut baik saranan bahawa usaha menterjemahkan sastera kita ke bahasa yang lain dan menyesuaikan sastera kita untuk lebih difahami orang luar dapat memartabatkan dan mensejagatkan

sastera kita. Penggunaan bahasa Inggeris bukan bererti kita menjunjung atau memaafkan sejarah penjajahan, tetapi menunjukkan bahawa kita membuang yang keruh dan mengambil yang jernih; memulakan lembaran yang baharu dengan mendakap pemodenan. Kami akur bahawa belia dan generasi kita adalah jambatan antara Global Selatan dengan persada dunia.

7. Justeru, Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara, atau SAKAT telah disempurnakan dengan menampilkan para pemakalah dari keempat-empat negara anggota Mastera. Saya berharap agar segala yang dibentangkan dan diwacanakan akan menjadi pemangkin kesedaran tentang pentingnya peranan Sastera Global Selatan.
8. Selain itu, Majlis Perasmian hari ini juga bakal menampilkan seorang sasterawan mapan dari Singapura, Tuan Hamed Ismail yang juga merupakan penerima Anugerah Tun Seri Lanang. Beliau akan menyampaikan ucaptamanya sebentar nanti yang bertajuk **“Sastera Nusantara Melawan Kolonialisme dan Hegemoni Barat – Mengangkat Nilai-Nilai Kemanusiaan dan Keadilan, Bersama Penulis-penulis Serantau di Global Selatan”**. Kita juga akan mendengarkan lantunan puisi gabungan para pelantun dari Singapura, baik yang mapan mahupun yang baru mula menempa nama.. Puisi-puisi yang dipilih juga mengangkat tema Mastera pada tahun ini.
9. Ayuh, sama-sama kita terus berganding bahu, menggalas tanggungjawab untuk terus menyemarakkan sastera yang kita cintai dan dikongsi bersama!

Semoga usaha ini bukan sahaja merapatkan ikatan persaudaraan antara empat negara, malah, mampu mengangkat sastera rantau ini di mata dunia.

10. Sekian. Terima kasih.